

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS PEMAKLUMAN PEMBUKAAN BIDAAN EKSKLUSIF UTEM

8 Disember 2020, 3.00 petang

Audi Canselori

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

Ybhg. Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Profesor Dr. Ghazali bin Omar

Menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan
Inovasi)

YBhg. Profesor Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manaf
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong-Penolong Naib Canselor

Yang Berusaha Encik Khairul bin Taib
Bendahari UTeM

YBhg. Profesor Datuk Dr. Ts. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
Pengarah Pusat Strategik Penjanaaan Pendapatan UTeM

Yang amat dialu-alukan, para jemputan:

Yang Berusaha Encik Arshad bin Arbi

Ketua Bahagian Perlesenan Kenderaan, JPJ Negeri Melaka

Yang Berusaha Encik Muhammad Hamka bin Mohd Ali

Dari Syarikat Tahap Puncak Sdn. Bhd.

Pegawai Kanan Universiti, Wakil Persatuan dan Kesatuan UTeM, Alumni Universiti, Pesara UTeM, Majlis Perwakilan Pelajar, Rakan Media, hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kersyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada petang ini, kita dapat bersama dalam Majlis Pemakluman Pembukaan Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTEM.

2. Pertama sekali, bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya mengalu-alukan kehadiran tetamu dari Jabatan Pengangkutan Jalan, Syarikat Tahap Puncak Sdn. Bhd., Alumni UTeM serta semua tetamu yang sudi meluangkan masa untuk hadir bersama ke majlis bersejarah petang ini.
3. Sebagai makluman semua, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah meluluskan penggunaan nama Universiti Awam sebagai Nombor Pendaftaran Khas Kenderaan bagi nombor pendaftaran yang bermula dari angka 1 sehingga 9999,

dengan hanya satu siri sahaja bagi setiap Universiti Awam Malaysia. Jika terdapat baki nombor yang tidak terjual selepas tempoh tiga tahun, maka ianya akan menjadi hak milik JPJ.

4. Memandangkan nombor pendaftaran kenderaan yang dibenarkan oleh JPJ adalah dengan menggunakan nama ringkas Universiti, dan sepenuhnya berhuruf besar, maka akronim UTeM dengan penggunaan 'e' berhuruf kecil tidaklah boleh diaplikasikan.

5. Walaupun bagaimanapun, akronim UTeM dengan penggunaan huruf besar sepenuhnya, tetap membawa maksud yang sama iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang kita semua sayangi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Penjualan Nombor Plat Eksklusif UTEM merupakan salah satu inisiatif penjanaan pendapatan bagi membantu Universiti dalam menambah pendapatan Universiti secara keseluruhan terutamanya dalam penyelidikan dan pembangunan Universiti.

7. Inisiatif penjanaan ini juga amatlah bertepatan dengan keadaan semasa UTeM, yang mana pada suku ketiga tahun ini, Universiti telah menerima pengurangan bajet mengurus semasa sebanyak 56%, dan bagi suku keempat pula, UTeM turut menerima pengurangan sebanyak 9% daripada permohonan Universiti.

8. Melalui penjualan Nombor Plat Eksklusif UTEM, diharapkan ianya dapat membantu dan menyokong kelestarian bajet mengurus Universiti, supaya pengurusan dan pengoperasian Universiti berjalan dengan lancar. Selain itu, penjualan nombor plat ini juga merupakan salah satu usaha Universiti untuk mempromosi dan meningkatkan lagi visibiliti UTeM kepada masyarakat luar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Penjualan Nombor Plat Eksklusif UTEM akan dibuat secara bidaan melalui sistem ebida UTeM di laman khas iaitu ebida.utm.edu.my.
10. Kategori nombor yang boleh dibida adalah dari kategori Platinum, Diamond, Gold, Silver dan Bronze. Setiap kategori ini semestinya ada keistimewaan dan tawaran harga yang tersendiri.

11.Sesi bidaan pertama akan mula dibuka pada 9 Disember 2020 bermula jam 12.00 tengah hari sehingga 14 Disember 2020 jam 12.00 tengah hari dalam sistem e-bida UTeM bagi kategori nombor silver dan bronze sahaja. Sesi bidaan bagi semua kategori nombor akan bermula pada 2 Januari 2021 sehingga 7 Januari 2021 selepas ianya dilancarkan oleh Tuan Yang Terutama Negeri Melaka, yang juga merupakan Canselor UTeM.

12. Sepertimana lazim, pembida dengan nilai tertinggi bagi setiap nombor yang diingini semasa tempoh bidaan akan diumumkan sebagai pembida yang berjaya.
13. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini bolehlah merujuk kepada Pusat Strategik Penjanaaan Pendapatan (PSPP), Pejabat Bendahari, selaku pihak yang bertanggungjawab menguruskan penjualan nombor pendaftaran ini.

14. Sebagai makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, tawaran bidaan adalah terbuka kepada semua pihak termasuk industri, agensi kerajaan, Alumni UTeM, staf, pelajar dan seluruh masyarakat umum yang berminat.
15. Justeru, saya mengharapkan orang ramai yang berminat dapat melaksanakan bidaan harga sebaik-baiknya supaya Nombor Plat Eksklusif UTEM yang diidamkan menjadi hak milik tuan-tuan dan puan-puan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengajak seluruh warga UTeM, alumni UTeM, pesara UTeM, rakan industri dan seluruh masyarakat mengambil peluang terbaik ini untuk memiliki nombor pendaftaran universiti yang pada julung kalinya dijual kepada umum, yang secara langsung turut membantu dalam penjanaaan pendapatan kepada Universiti ini.

Dauh selasih di atas kendi,
Buah berangan di atas peti,
Terima kasih sekalung budi;
Atas sumbangan penjanaan Universiti.

17.Akhir kata, dengan lafaz Bismillah hirrahma nirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pemakluman Pembukaan Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTEM. Sekian terima kasih.